

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (Selasa)**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rancangan SPAD untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Daerah Manjung, Perak yang sekarang perkhidmatan bas awamnya beroperasi tidak mengikut jadual dan tidak memberikan khidmat ke banyak lokasi dalam Daerah Manjung.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penumpang merupakan antara faktor utama yang dipertimbangkan oleh pengendali bas henti-henti dalam menyediakan perkhidmatan di sesetengah laluan atau kawasan.
2. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan pengendali bas tidak mahu memberikan perkhidmatan di laluan yang tidak menguntungkan. Oleh yang demikian, terdapat banyak laluan yang terjejas akibat ketiadaan perkhidmatan bas henti-henti ini.
3. Dalam mengatasi masalah ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mengambil langkah penyelesaian masa pendek dan pada masa yang sama sedang merangka pelan jangka panjang bagi perkhidmatan bas henti-henti.
4. Bagi rancangan jangka pendek, Kerajaan telah memperuntukkan Dana Sokongan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) khusus bagi membantu pengendali bas henti-henti untuk terus memberikan perkhidmatan di laluan yang tidak menguntungkan tetapi tetap diperlukan. Dana ini turut dinikmati oleh pengusaha bas henti-henti di seluruh negeri Perak. Dalam pemberian dana ini, pihak S.P.A.D telah menetapkan syarat supaya pengendali mematuhi jadual perjalanan dan laluan yang ditetapkan. Sekiranya terdapat mana-mana pengendali yang

tidak mengikuti jadual perjalanan yang ditetapkan di daerah Manjung, orang awam boleh mengajukan aduan di talian Aduan SPAD 1-800-88-7723.

5. Pihak kerajaan negeri juga dengan usahasama Syarikat Bas GPB Corporation Sdn. Bhd. turut menyediakan 20 buah bas untuk perkhidmatan Bas Rakyat 1Malaysia Manjung. Perkhidmatan ini merangkumi 7 laluan di sekitar daerah Manjung seperti Pantai Remis, Segari, Changkat Kruing, Simpang Empat Sitiawan, Lekir, Beruas, Lumut dan Pasir Panjang.

6. Dalam pada masa yang sama, S.P.A.D sedang merangka inisiatif Transformasi Servis Bas Henti-henti (SBST). Inisiatif ini merupakan pelan jangka panjang perkhidmatan bas henti-henti dengan sasaran fokus dan tanggungjawab khusus kepada penambahbaikan rangkaian, operasi, infrastruktur dan perubahan model perniagaan.

Sekian, terima kasih.